

# Ucapan penutup PM melalui Internet hari ini

**UM 21 JUN 2003**  
KUALA LUMPUR 20 Jun

— Rakyat Malaysia di luar negara berpeluang menyaksikan ucapan penutup Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung UMNO esok secara langsung melalui Internet.

Ucapan Perdana Menteri itu akan disiarkan melalui laman web rasmi UMNO, [www.umno.online.com](http://www.umno.online.com) pada pukul 4.30 petang.

Naib Presiden Interactive Channel Sdn.Bhd. (InterChannel), Tengku Azman Tengku Zainal Abidin berkata, selain ucapan Dr. Mahathir, pengunjung laman web itu juga berpeluang mengikuti ucapan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan tiga lagi Naib Presiden.

Katanya, dianggarkan lebih 300,000 pengunjung melayari laman web UMNO itu setiap bulan dan jumlahnya didapati meningkat semasa perhimpunan agung kali ini.

## Minat

Menurutnya, di antara pengunjung yang dilihat sering memasuki laman web itu termasuk dari Amerika Syarikat, Mesir dan Jepun dan mereka menunggu untuk mendengar ucapan Dr. Mahathir esok.

Jelasnya, minat yang ditunjukkan oleh pengunjung luar terhadap laman web itu mungkin disebabkan ini adalah kali terakhir Dr. Mahathir berucap sebagai Presiden UMNO.

Bersama rakan teknologinya, TIME, InterChannel juga menyediakan perkhidmatan Internet tanpa wayar di tingkat dua, tiga dan empat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sepanjang berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO ke-54 ini.